

08/02/1997

Kesatuan sedia bantu perangai gejala sosial

KONGRES Kesatuan Guru-Guru Dalam Perkhidmatan Pendidikan Malaysia (Kongres) dan Gabungan Majlis Guru Besar Malaysia (GMGBM) sedia bekerjasama dengan Umno bagi menjayakan program memerangi gejala sosial di kalangan remaja.

Presidennya, Muhammad Mustapha, berkata pihaknya, terutama guru di negara ini bersedia untuk membantu Umno di semua peringkat, termasuk peringkat negeri dan bahagian supaya usaha berkenaan berjalan lancar.

Menurutnya, kerjasama yang akan diberikan ialah menjayakan sebarang program dan aktiviti bagi memastikan gejala sosial remaja dapat diperangi bersama.

"Kita juga bersedia bekerjasama dengan Pemuda Umno dan Wanita Umno untuk memastikan setiap program memerangi gejala sosial dan kerahan tenaga belia terus berjaya," katanya kepada Berita Harian, semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas laporan akhbar semalam bahawa Umno akan memulakan program besar besaran memerangi gejala sosial di kalangan remaja Melayu, khususnya melalui pendidikan tidak formal dan pembentukan sahsiah mereka, mulai bulan depan.

Pengerusi Biro Agamanya, Datuk Dr Abdul Hamid Othman, berkata tugas baru Umno sekarang ialah membebaskan generasi muda Melayu daripada gejala sosial yang kini berada di tahap kritikal dan boleh memusnahkan seluruh bangsa jika tidak dibendung segera.

Biro itu, bersama Biro Kebajikan dan Pergerakan Wanita Umno mengadakan mesyuarat selepas perjumpaan khas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan lebih 300 wakil agensi agama di Pusat Islam.

Muhammad yang juga Yang Dipertua GMGBM berkata pihaknya berharap kerajaan menjemput semua kesatuan guru di negara ini menghadiri perbincangan yang diadakan oleh Umno.

(END)